

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK MOHD. AZIS BIN JAMMAN
[SEPANGGAR]**

TARIKH : 23 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

DATUK MOHD. AZIS BIN JAMMAN minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan adakah benar Kementerian akan menutup Kolej Poly-Tech Mara (KPTM) cawangan Semporna dan apakah sebab-sebabnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kolej Poly-Tech MARA (KPTM) Semporna telah mula beroperasi pada tahun 2010 yang menawarkan pengajian dalam peringkat diploma dengan kapasiti pelajar 600 orang.

Prestasi pengambilan pelajar di KPTM Semporna menunjukkan penurunan yang ketara pada setiap tahun. Tambahan pula, isu keselamatan di kawasan Semporna turut menyumbang kepada kekurangan pelajar di kampus tersebut. KPTM Semporna telah merekodkan kerugian terkumpul berjumlah RM28.5juta sejak mula beroperasi pada tahun 2010 sehingga kini, dengan purata kerugian tahunan sebanyak RM2.45 juta. Kerugian ini disebabkan oleh jumlah pengambilan pelajar baharu yang tidak mencapai sasaran serta kos operasi yang tinggi.

Justeru, berdasarkan penjelasan di atas, operasi KPTM Semporna akan ditutup sepenuhnya pada 31 Julai 2022 dan telahpun mendapat kelulusan Kementerian Pengajian Tinggi.

Ketika ini, terdapat 169 pelajar sedia ada yang akan menamatkan pengajian secara berperingkat dengan baki 18 pelajar akan menamatkan pengajian pada Julai 2022. Pelajar-pelajar yang tidak dapat menamatkan pengajian berdasarkan semester sebenar akan ditawarkan untuk menyambung pengajian yang sama di cawangan KPTM di Semenanjung Malaysia. Staf KPTM Semporna berstatus tetap ditawarkan untuk berpindah ke cawangan KPTM di semenanjung, atau memilih Skim Pemisahan Sukarela (VSS). KPTM telah memperuntukan sejumlah RM1.33 juta untuk elaun perpindahan staf dan pampasan VSS.

Sekian, terima kasih.